

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (6)

16 Oktober 2022
19 Rabi'ul Awal 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.39/2022

PENGISYTIHARAN CUTI KHAS PERISTIWA SEMPENA KEJAYAAN GEMILANG PASUKAN JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT) DAN PENCAPAIAN CEMERLANG NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM DALAM KEJOHANAN SUKAN TAHUN 2022

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Johor telah mengisytiharkan tarikh **16 Oktober 2022 (Ahad)** merupakan Hari Cuti Khas Peristiwa di seluruh Negeri Johor sempena kejayaan gemilang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjuarai Liga Super Malaysia buat kali ke-9 berturut-turut dan memenangi 10 piala dalam lain-lain kejuaraan yang disertai JDT pada tahun 2022. Pemberian cuti khas peristiwa ini juga sebagai tanda meraikan kejayaan cemerlang Negeri Johor menjuarai Kejuaraan Sukan SUKMA Edisi ke-20.

2. Selaras dengan Seksyen 9(1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369], maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan Johor dan Cuti Umum tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

